

25 NOV 1997

AS BERYAKINAN TERHADAP EKONOMI ASEAN

Oleh: Salmy Hashim

VANCOUVER, 25 Nov (Bernama) -- Amerika Syarikat (AS) yakin ekonomi Asean yang terjejas akibat penyusutan mata wang akan pulih daripada krisis ekonomi yang dihadapi oleh mereka berdasarkan kepada asas-asas ekonomi yang kukuh, kata Daniel Tarullo, Penasihat Ekonomi Khas kepada Presiden Bil Clinton di sini, hari ini.

Tarullo, dalam satu taklimat kepada pemberita yang membuat liputan mesyuarat tahunan Apec, berkata Clinton ketika pertemuan sarapan pagi bersama lima pemimpin Asean memberitahu mereka bahawa AS masih menaruh keyakinan terhadap keteguhan ekonomi-ekonomi Asean yang mempunyai kadar tabungan, tahap pendidikan dan produktiviti yang tinggi.

"Keteguhan itu tidak hilang dan masih boleh terus dibina jika negara-negara terbabit mengguna pakai dasar makroekonomi dan pengubahsuaian yang betul," kata Tarullo.

Clinton dalam pertemuan sarapan pagi dengan ketua-ketua Asean -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Goh Chok Tong, Sultan Hassanah Bolkiah, Presiden Fidel Ramos dan Perdana Menteri Chuan Leekpai -- menghabiskan masa selama 45 minit Isnin untuk berbincang dengan lebih mendalam berhubung pergolakan ekonomi yang menyaksikan penyusutan mata wang dan kemudahrupaan dalam pasaran saham di rantau itu.

Sementara itu Presiden Indonesia, Suharto, mengadakan pertemuan berasingan dengan Clinton di mana mereka membincangkan mengenai bantuan AS untuk memadamkan kebakaran hutan di Indonesia.

Anggota-anggota Asean seperti Vietnam, Laos dan Myanmar, yang bukan anggota Apec, tidak hadir dalam mesyuarat itu.

Tarullo, yang juga Timbalan Pengarah Majlis Ekonomi Negara berkata di sini: "Jelas semua ketua-ketua negara terbabit memandang serius terhadap situasi yang berlaku ketika ini. Mereka percaya tiada jalan penyelesaian singkat kepada masalah itu dan mereka perlu mengkaji keadaan itu dan mencari jalan untuk menanganinya."

Presiden Clinton menyatakan kepada ketua-ketua terbabit, satu pertiga daripada eksport AS adalah ke negara-negara Asia, "dan kami mempunyai kepentingan langsung dalam ekonomi Asia."

Menteri-menteri kewangan Asean beserta dengan rakan sejawatan mereka dari enam negara -- Amerika Syarikat, Jepun, Korea Selatan, Hong Kong, China dan Australia -- dijangka akan bertemu di Kuala Lumpur pada 2 Dis, diikuti oleh Menteri-Menteri Kewangan G-15 (negara-negara membangun) pada 3 Dis.

Satu mesyuarat khas antara menteri-menteri kewangan Asean dengan ketua Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Michel Camdessus, juga dijadualkan pada 1 Dis di Kuala Lumpur bagi menangani krisis ekonomi yang melanda negara-negara seperti Indonesia, Thailand, Filipina, Malaysia, Korea Selatan dan baru-baru ini dalam sebuah firma sekuriti utama Jepun.

Clinton memberitahu pemberita susulan daripada pertemuan dua halanya dengan Perdana Menteri Jepun Ryutaro Hashimoto, "Jepun boleh menerajui Asia untuk menagai segala masalah-masalah itu berdasarkan kepada kekukuhan ekonominya."

Beliau berkata pergolakan kewangan Asia akan dibangkitkan dalam agenda ketua-ketua Apec dan mereka akan menyokong inisiatif Manila yang dibentuk untuk membantu ekonomi Asia mengatasi masalah mereka pada rumusan hari terakhir sidang kemuncak dua hari itu, Selasa.

Timbalan Setiausaha Perbendaharaan, Lawrence Summers, berkata masalah

yang dihadapi oleh Jepun tidak sama dengan Korea Selatan dan menyatakan,"Saya tidak meramalkan sebarang pakej penyelamat dari IMF untuk Jepun."

Jepun, sebagai ekonomi kedua terbesar di dunia, mempunyai potensi dan boleh menjadi penggerak pertumbuhan untuk membantu ekonomi-ekonomi Asia lain memulihkan krisis yang dihadapi.

Summers berkata adalah penting bagi Jepun untuk memulihkan keyakinan pengguna, kekukuhan sistem kewangan dan meneruskan dengan agenda kelonggaran syaratnya. -- BERNAMA

SH ZK MA